

17/02/2004

`Tak Nak' bukan setakat kepada rokok

Azimi Daim

PELANCARAN kempen antimerokok `Tak Nak' dikatakan mendapat sokongan besar, tetapi tidak ramai, khususnya orang muda menyuarakannya. Mungkin kerana menyedari bukan senang hendak berhenti daripada tabiat itu.

Namun, marilah kita bersama katakan `Tak Nak' bukan saja kepada tabiat merokok, malah lebih jauh lagi tak nak kepada masalah kesihatan diri dan orang sebelah kita atau janin akibat perangai makruh ini.

Tambahan pula amalan merokok turut menular di kalangan gadis yang terpengaruh dengan anggapan tabiat itu melambangkan kebebasannya daripada tegahan keluarga dan membuktikan dia hebat. Tak Nak!

Generasi muda sekarang bakal menjadi golongan dewasa apabila Malaysia mencapai status negara maju pada 2020. Ertinya anak muda kini bukan sekadar pewaris, malah pencorak masa depan tanah air.

Hal ini disentuh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika bertemu kami dan rakan di Kuala Lumpur, minggu lalu. Kira-kira 16 tahun dari sekarang, sebahagian daripada generasi muda kini akan menjadi pemimpin negara, peneraju pelbagai jabatan dan agensi kerajaan serta sektor korporat. Demikian juga pada peringkat pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat, termasuk jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung, surau atau sekolah.

Kebanyakan pemimpin semasa pula sudah bersara atau sudah kembali ke rahmatullah. Usaha mereka pada hari ini, termasuk pembangunan pendidikan, infrastruktur, industri dan pembanterasan rasuah menjadi warisan selepas 2020.

Usaha kerajaan mewujudkan pentadbiran bersih dengan membanteras rasuah kini turut mencorakkan masa depan anak muda kelak. Langkah ini sudah lama dilaksanakan, termasuk setiap kali pucuk pimpinan negara yang baru menerajui kerajaan.

Sewaktu Tun Dr Mahathir Mohamad baru menjadi Perdana Menteri pun perkara yang sama disebut, namun tumpuan kepada kemajuan lebih utama dan rakyat perlu dibawa kepada era pemantapan asas pelbagai bidang bagi menghadapi cabaran global. Bagaimanapun, undang-undang tidak mengenal pangkat dan pelbagai kes rasuah juga disiasat dan dibawa ke muka pengadilan.

Walaupun masalah rasuah tidak terlalu serius seperti sesetengah negara sehingga membantutkan banyak rancangan dan agenda negara, rakyat masih beruntung Biro Pencegah Rasuah (BPR) tidak pernah berputus asa dan terus melaksanakan amanah rakyat kepada mereka. Di negara yang mempunyai kepincangan rasuah yang teruk, harga barangan dan kontrak boleh saja tidak masuk akal. Pelaburan dari luar juga terbantut.

Seperti cetusan Abdullah tahun lalu tumpuan sepenuhnya adalah mengurus kejayaan. Ramai pihak yang suka mengkritik dan bercakap saja suka mencari salah dan lupa apa yang kerajaan telah lakukan. Oleh itu, langkah BPR baru-baru ini membuktikan kesungguhan agensi itu menjalankan tanggung jawab dengan profesional dalam mencekup jerung. Mereka terpaksa menyiasat sekian lama untuk memastikan bukti yang ada benar-benar kukuh dan sah ke mahkamah.

Perkembangan terbaru itu bukan saja membuatkan pengkritik kehabisan isu dan gimik untuk mencari sokongan, malah membuat pelbagai pihak di sektor awam dan swasta, semua peringkat pekerjaan tanpa mengira latar belakang politik dan bangsa kecut perut. Golongan tua atau muda, yang tidak buat salah pun terpaksa berhati-hati kalau-kalau tersilap langkah tidak mengikut prosedur.

Apakah kesungguhan BPR ini akan memberi makna kepada masa depan generasi muda? Tentunya kerajaan yang lebih bersih dapat memberi khidmat lebih berkesan.

Bagaimanapun, seluruh generasi muda harus sedar usaha kerajaan ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna jika kita semua tidak memberikan kerjasama membendung rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Selain memberikan maklumat untuk membantu BPR menunaikan amanah mereka, kita sebagai rakyat mempunyai tanggung jawab memperbaiki diri sendiri dan menyemai amalan baik di kalangan rakan dan generasi lebih muda daripada kita. Jika tidak menyebut `Tak Nak' kepada rakan untuk melakukan segala perangai buruk, cukup juga kita sentiasa berbuat baik.

Mudah-mudahan apabila kita berkata `Tak Nak' di dalam hati, kita dapat mengekang pelbagai salah laku. Akhirnya berbuat dan menjaga nama baik keluarga dan bangsa menjadi kebanggaan anak Malaysia.